

## Sumber Utama Ajaran Syi'ah

### Mukaddimah.

Kalau dirujuk kitab-kitab utama Syi'ah maka akan jelas bahawa di antara sumber utama ajaran Syi'ah adalah Yahudi. Kemudian ditambah pula dengan ajaran daripada dua agama yang lain iaitu Kristian dan Majusi maka lengkaplah agama yang diasaskan oleh musuh-musuh Islam ini untuk memporak-perandakan agama Islam yang sebenar. Ini terbukti bila begitu banyak sekali ajaran-ajaran Syi'ah mempunyai keserupaan dengan Yahudi. Perkara ini bukanlah suatu yang menghairankan kerana pengasas ajaran Syi'ah adalah seorang Yahudi yang berpura-pura memeluk Islam iaitu Abdullah bin Saba'. Kitab Syi'ah sendiri yang memperakui kebenaran tersebut. Antaranya kitab rijal tertua di sisi Syi'ah mengemukakan riwayat yang berbunyi:

أبو خالد الكابلي سمعت علي بن الحسين عليه السلام يقول: ان اليهود أحبوا عزيزا حتى قالوا فيه ما قالوا فلا عزيز منهم ولا هم من عزيز، وأن النصارى أحبوا عيسى حتى قالوا فيه ما قالوا، فلا عيسى منهم ولا هم من عيسى. وانا على سنة من ذلك ان قوما من شيعتنا سيحبونا حتى يقولوا فينا ما قالت اليهود في عزيز، وما قالت النصارى في عيسى بن مريم، فلا هم منا ولا نحن منهم.

Abu Khalid al-Kabuli berkata: "Aku mendengar Ali (Zainul Abidin) bin al-Husain a.s. berkata: "Sesungguhnya Yahudi mencintai 'Uzair sehingga mereka telah mengatakan sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan 'Uzair tiada hubungan dengan mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan 'Uzair. Sesungguhnya Nasara mencintai Isa sehingga mereka telah mengatakan sebagaimana yang mereka katakan terhadapnya sedangkan Isa tiada hubungan dengan mereka dan mereka juga tiada hubungan dengan Isa. Sesungguhnya kami seperti mana mereka juga, sesungguhnya satu kaum dari kalangan Syi'ah kami mencintai kami sehingga mereka mengatakan berkenaan kami sebagaimana yang dikatakan oleh Yahudi kepada 'Uzair dan sebagaimana yang dikatakan oleh Nasara kepada Isa bin Maryam, mereka tiada hubungan dengan kami dan kami tiada hubungan dengan mereka".<sup>1</sup>

Di tempat yang lain beliau menukikan riwayat daripada Imam Ja'far al-Sadiq yang menjelaskan individu yang bertanggungjawab menyerapkan ajaran Yahudi tersebut ke dalam Islam iaitu:

عن أبان بن عثمان، قال سمعت أبا عبدالله عليه السلام يقول: لعن الله عبدالله بن سبأ أنه ادعى

<sup>1</sup> Abu Ja'far at-Thusi *Rijal al-Kasyyi* juz 2 hal 120.

الربوبية في أمير المؤمنين عليه السلام وكان  
والله أمير المؤمنين عليه السلام عبداً لله طائعا،  
الويل لمن كذب علينا وأن قوماً يقولون فينا ما  
لا نقوله في أنفسنا، نبراً إلى الله منهم نبراً إلى  
الله منهم .

Daripada Aban bin Uthman katanya, aku mendengar Abu Abdillah Jaafar al-Sadiq berkata: “Semoga Allah melaknat Abdullah bin Saba, sesungguhnya dia mendakwa Rububiyah (ketuhanan) pada Amirul Mukminin a.s. sedangkan demi Allah, Amirul Mukminin a.s. adalah seorang hamba Allah yang taat. Celakalah ke atas sesiapa yang berdusta atas nama kami. Sesungguhnya ada kaum yang memperkatakan tentang kami apa yang tidak kami perkatkan tentang diri kami sendiri. Kami berlepas diri kepada Allah dari mereka, kami berlepas diri kepada Allah dari mereka”.<sup>2</sup>

Daripada dua riwayat di atas jelas kepada kita bahawa ajaran Syi’ah adalah ajaran yang berasal daripada luar Islam tetapi diserapkan ke dalam Islam dan diatasmakan anak cucu Nabi s.a.w. yang dikenali sebagai Ahl al-Bait. Kemudian ajaran tersebut dimasukkan ke dalam kitab-kitab utama serta sahih di sisi mereka.


#### 1. Rujukan Utama Ajaran Syi’ah.

Suatu perkara yang pasti penyebaran ajaran Syi’ah akan membawa kepada terhapusnya ajaran suci murni yang ditinggalkan oleh Nabi s.a.w. kepada umatnya dan ia merupakan matlamat utama musuh-musuh Islam. Kerana dengan cacatnya kedudukan sahabat r.a. sebagai perawi utama di dalam Islam dan terhakisnya kepercayaan terhadap al-Quran maka dengan sendirinya akan tertolak dua sumber utama di dalam Islam iaitu al-Quran dan hadith nabawi. Oleh kerana itu perancang-perancang ajaran Syi’ah mengemukakan sumber alternatif sebagai ganti kepada sumber yang dipegang oleh Ahl as-Sunnah wa al-Jamaah atas nama ajaran Ahl al-Bait. Lalu termuatlah sekian banyak ajaran-ajaran yang sebahagiannya tidak masuk akal untuk dinisbahkan kepada individu mulia tersebut. Di antara kitab-kitab Syi’ah yang memuatkan ajaran-ajaran tersebut adalah empat rujukan utama mereka yang dinamakan sebagai *shibah arba’ah* (empat kitab sahih).

---

<sup>2</sup> Abu Ja’far at-Thusi *Rijal al-Kasyyi* jil.1 ms325

## CONTOH KITAB-KITAB RUJUKAN SYIAH



### 1.1. Al-Kafi.

Karangan Abu Ja'far Muhammad bin Ya'kub al-Kulaini yang diberikan gelaran seorang yang menjadi hujah dan dipercayai di dalam Islam.

Kitab ini merupakan rujukan utama di sisi Imamiyyah Ithna 'Asya'irah yang melengkapi segala bidang ilmu. Mengandungi lebih dari dua belas ribu riwayat yang mana hampir keseluruhannya adalah riwayat daripada imam-imam maksum di sisi mereka terutamanya daripada imam Ja'far as-Sadiq dan Muhammad al-Baqir.

Pujian ulama-ulama Syi'ah terhadap kitab ini sangatlah tinggi. Di antara yang dapat dimuatkan di dalam kertas kerja ringkas ini ialah:

Syeikh al-Mufid berkata: "Al-Kafi merupakan kitab yang paling tinggi dari kalangan kitab-kitab Syi'ah dan paling banyak faedahnya".

Mulla Baqir al-Majlisi berkata: "Kitab al-Kafi merupakan usul yang paling kemas dan lengkap. Karangan paling baik untuk *al-firqah an-najiyah*".<sup>3</sup>

Kitab ini telah dikemukakan kepada Imam Mahdi mereka dan ia menganggapnya baik dan berkata: "Kitab ini sudah memadai untuk Syi'ah kita".<sup>4</sup>

### 1.2. Man La Yahduru al-Faqih

<sup>3</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Mukaddimah al-Kafi* jil. 1 hal. 27-28

<sup>4</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Mukaddimah al-Kafi* jil. 1 hal. 26

Kitab yang khusus berkenaan masalah feqah di sisi Syi'ah Imamiyyah. Pengarangnya tidak meletakkan sanad periwayatan supaya tidak menjadi terlalu besar dan banyak membicarakan berkenaan sanad tetapi ia memberikan jaminan bahawa segala yang dikemukakan di dalamnya adalah sahih.<sup>5</sup>

Kitab karangan Abu Ja'far Muhammad bin 'Ali bin Husain bin Musa bin Babawaih yang lebih dikenali dengan Ibnu Babawaih al-Qummi ini mengandungi sebanyak 5963 hadith. Beliau diberikan gelaran syeikh Saduq iaitu seorang yang sangat benar. Dilahirkan pada tahun 306 hijriah dan meninggal pada tahun 381 hijriah

### 1.3. Tahzib al-Ahkam.

Kitab ini dikarang oleh Syeikh at-Thoifah di sisi Syi'ah iaitu Abu Ja'far Muhammad bin al-Hasan at-Thusi yang dilahirkan pada tahun 385 hijriah dan meninggal pada tahun 460 hijriah. At-Thusi banyak bergantung di dalam karangannya ini kepada sebahagian kitab sebelumnya terutamanya kitab al-Kafi. Pengarangnya mengatakan bahawa ia menghimpunkan sebanyak lebih daripada 5000 hadith di dalam kitabnya dan ia juga menyebutkan ikhtilaf ulama dan persamaan pendapat mereka.<sup>6</sup>

### 1.4. Al-Istibshor Fi Ma Ukhtulifa Min al-Akhbar.

Pengarangnya adalah pengarang kepada kitab Tahzib al-Ahkam. Kitab ini menghimpunkan hadith-hadith yang diperselisihkan dan cara untuk menggabungkan antaranya. Sebanyak 5511 hadith telah dihimpunkan di dalam 925 bab di dalam kitab ini sebagaimana yang dijelaskan oleh pengarangnya. Namun begitu ada di kalangan ulama Syi'ah kemudian telah mengira bilangan hadith-hadith di dalam dan mereka mengatakan bilangannya melebihi enam ribu hadith.<sup>7</sup>

1.5. Selain daripada empat kitab yang paling sahih tersebut terdapat kitab-kitab lain yang juga merupakan antara sumber utama ajaran Syi'ah seperti:

1.5.1. Bihar al-Anwar Li Durari Akhbar al-Aimmah al-Athar karangan Muhammad Baqir al-Majlisi meninggal pada tahun 1111 hijriah. Kebanyakan riwayat yang terdapat di dalamnya berkisar persoalan akidah mereka, pegangan mereka berkenaan imamah dan dua belas imam, sifat, keadaan mereka, kelebihan menziarahi kuburan mereka, riwayat tentang musuh-musuh mereka terutama sekali sahabat-sahabat r.a. dan lain-lain.<sup>8</sup>

---

<sup>5</sup> Mukaddimah Man La Yahduru al-Faqih jil. 1 hal. 90.

<sup>6</sup> Tauthiq as-Sunnah hal. 197.

<sup>7</sup> Tauthiq as-Sunnah hal. 198.

<sup>8</sup> Di dalam Tauthiq as-Sunnah hal. 200 pengarangnya mengatakan bahawa kitab ini pada asalnya mengikut pengakuan pengarangnya adalah sebanyak dua puluh enam jilid tetapi ulama selepasnya telah menambah beberapa kitab yang bukan berasal dari pengarang asalnya seperti Jannah al-Ma'wa karangan an-Nuri at-Thabarsi, Hidayah al-Akhbar karangan al-Mustarhami dan lain-lain

1.5.2. Wasaail as-Syi'ah ila Tahsil Masail as-Syariah karangan Muhammad bin al-Hasan al-Hurr al-'Amili meninggal dunia pada tahun 1104 hijriah. Kitab ini khusus menghimpunkan masalah-masalah hukum mengikut susunan bab-bab feqah.

1.5.3. Mustadrak al-Wasaail karangan muhaddith an-Nuri at-Thabarsi.

## 2. Ajaran Syi'ah Berasal Daripada Agama-Agama Lain Terutamanya Yahudi.

Sebagaimana yang telah disebutkan di dalam mukaddimah kertas kerja ini bahawa ajaran Syi'ah banyak persamaannya Yahudi. Kerana itu ulama-ulama mengatakan bahawa ajaran Syi'ah berasal dari Yahudi apatah lagi pengasasnya adalah seorang Yahudi. Perkara ini bukan hanya diakui oleh ulama Ahl as-Sunnah bahkan juga oleh ulama Syi'ah. Antaranya:

2.1. An-Naubakhthi menulis di dalam kitabnya Firaq as-Syi'ah:

وحكى جماعة من أهل العلم من أصحاب علي -  
عليه السلام - أن عبد الله بن سبأ كان يهودياً  
فأسلم وولى علياً - عليه السلام - وكان  
يقول وهو علي يهوديته في يوشع بن نون بعد  
موسى - عليه السلام - بهذه المقالة ، فقال  
بعد إسلامه في علي - عليه السلام - بمثل  
ذلك ، وهو أول من شهر القول بفرض إمامة  
علي - عليه السلام - وأظهر البراءة من  
أعدائه وكاشف مخالفيه ، فمن هناك قال من  
خالف الشيعة إن أصل الرفض مأخوذ من  
اليهودية ، ولما بلغ عبد الله بن سبأ نعي  
علي بالمدائن قال للذي نعاه : كذبت لو  
جئتنا بدماعه في سبعين صرة وأقمت علي  
قتله سبعين عدلاً لعلمنا أنه لم يقتل ، ولا  
يموت حتى يملك الأرض".

Sebahagian ahli ilmu dari kalangan pengikut Ali a.s. menyebutkan bahawa Abdullah bin Saba' adalah seorang Yahudi lalu dia memeluk Islam dan mengatakan *wala'* terhadap Ali a.s.. Dia juga berpendapat ketika masih lagi di dalam agama Yahudinya tentang Yusa' bin Nun (sebagai *washi*) selepas Musa a.s. maka dia berkata selepas Islamnya tentang Ali a.s. sama seperti itu. Dialah orang yang mula-mula mempopularkan pendapat tentang kefarduan melantik Ali a.s. sebagai imam dan menyatakan berlepas diri terhadap musuh-musuhnya serta

---

sehingga mencapai seratus sepuluh jilid. Kitab ini mengandungi celaan terhadap Islam seperti terhadap al-Quran, as-Sunnah, sahabat, umat Islam termasuk juga terhadap ahlul bait.

mendedahkan kekufurannya. Kerana itu orang yang menyalahi Syi'ah akan berkata, "Sesungguhnya asal Rafidhah adalah daripada Yahudi". Bilamana sampai berita kematian Ali kepada Abdullah ibnu Saba' yang ketika itu berada di al-Madain, dia berkata kepada orang yang membawa berita tersebut, "Kalau engkau bawakan otaknya (Ali) di dalam tujuh puluh pundi-pundi dan engkau mengemukakan tujuh puluh orang yang adil sebagai saksi maka sesungguhnya kami yakin bahawa dia tidak akan dibunuh, dia tidak akan mati sehinggalah dia dapat menguasai dunia".<sup>9</sup>

## 2.2. Contoh-contoh persamaan antara Syi'ah dan Yahudi.

2.2.1. Kepercayaan bahawa nabi melantik seorang *washi* (penerima wasiat) sebelum kewafatannya.

2.2.1.1. Golongan Yahudi berpendapat bahawa seseorang nabi mesti melantik seorang *washi* yang akan menggantikan tugasnya memimpin manusia selepas kewafatannya. Terdapat beberapa nas di dalam Taurat di mana Allah memerintahkan supaya Nabi Musa a.s. melantik Yusya' bin Nun sebagai *washi* yang akan memimpin Bani Israel sepeninggalannya.<sup>10</sup>

2.2.1.2. Golongan Syi'ah juga berpendapat sedemikian dan mereka mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. melantik Sayyidina Ali r.a. sebagai *washi* yang akan memimpin umat selepas kewafatannya. Mereka mengatakan bahawa perlantikan Ali sebagai *washi* berlaku di atas langit yang ketujuh. Nabi s.a.w. *dimi'rajkan* sebanyak seratus dua puluh kali dan setiap kali *mi'raj* Allah akan mengingatkan berkenaan perlantikan Ali sebagai *washi*.<sup>11</sup>

2.2.2. Kepimpinan hanya pada keluarga Daud a.s. sahaja di sisi Yahudi dan pada keluarga Ali r.a. bahkan pada hakikatnya pada keluarga Husain r.a. sahaja di sisi Syi'ah.

2.2.2.1. Golongan Yahudi mengatakan bahawa Allah telah memutuskan bahawa takhta dan pemerintahan hanyalah milik Nabi Daud a.s. dan keturunannya selama-lamanya.<sup>12</sup> Kerana itulah mereka akan terus berusaha untuk membina Haikal Sulaiman dan mengembalikan penguasaan kepada keturunan Daud a.s. khususnya kepada Israel.

2.2.2.2. Syi'ah membataskan bahawa kekuasaan hanyalah berada di bawah walayah Ali bin Abi Talib r.a. dan keturunan selepasnya melalui keturunan Husain r.a.. Sesiapa yang mendakwa bahawa kepimpinan dan penguasaan

---

<sup>9</sup> Firaq as-Syi'ah hal. 23, Rijal al-Kasyi jid.1 hal. 326, Bihar al-Anwar jil. 25 hal. 286, al-Anwar an-Nu'maniyyah jil. 2 hal. 284, Taj al-'Arus hal. 5-6,

<sup>10</sup> Sifr al-'Adad Ishah Ke 27. Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 169.

<sup>11</sup> Firaq as-Syi'ah hal. 23, Rijal al-Kasyi jid.1 hal. 326, Bashaair ad-Darajaat hal. 99, Maqaalat al-Islamiyyin hal. 50.

<sup>12</sup> Sifr al-Irmiya Ishah ke 37, Sifr Al-Muluk Al-Awwal Ishah ke 33, Ishah ke 2 dan lain-lain.

dunia ini di bawah seseorang yang lain maka ia telah terkeluar dari agama.<sup>13</sup> Di antara dalil mereka bahawa kepimpinan berada di bawah dua belas imam dan ianya sama dengan golongan Yahudi adalah ayat al-Quran berkenaan perlantikan dua belas orang *naqib* iaitu:

وَلَقَدْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ  
اثْنَيْ عَشَرَ نَقِيبًا

Dan demi sesungguhnya! Allah telah mengambil perjanjian setia Bani Israil (supaya mereka menjunjung perintahNya dan menjauhi laranganNya) dan Kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua”.<sup>14</sup>

2.2.3. Kepercayaan kepada kebangkitan *al-Masih al-Muntaẓhar* dan *al-Mahdi al-Muntaẓhar* di sisi Yahudi dan Syi’ah.

2.2.3.1. Golongan Yahudi menanti-nanti kedatangan seorang dari keturunan Daud a.s. yang akan memerintah alam ini dan mengembalikan segala kemuliaan dan kekuasaan kepada Bani Israel dan menjadikan semua manusia tunduk kepada mereka.<sup>15</sup>

2.2.3.2. Di antara pegangan penting golongan Syi’ah ialah kepercayaan tentang kebangkitan Imam Mahdi *al-Muntaẓhar* di akhir zaman yang akan membawa kekuasaan kepada mereka dan menjadikan manusia lain tunduk kepada kekuasaannya. Kepercayaan bahawa Muhammad bin al-Hasan al-‘Askari yang kononnya dilahirkan pada tahun 255 hijriah dan seterusnya bersembunyi di sebuah gua pada tahun 265 hijriah telah dipilih oleh Allah ta’ala sebagai Imam Mahdi yang diberi gelaran *al-qaim*, *al-hujjah* dan sebagainya adalah suatu kepercayaan yang terdapat di dalam mana-mana kitab utama Syi’ah.<sup>16</sup> Setiap tahun mereka akan pergi ke gua tersebut yang terdapat di Samurra’ Iraq memanggil-manggil supaya ia segera keluar untuk mengembalikan kemuliaan kepada mereka.

2.2.4. Kepercayaan bahawa orang yang mati akan dibangkit ke dunia sebelum kiamat (raj’ah) di sisi Yahudi dan Syi’ah.

2.2.4.1. Akidah raj’ah adalah merupakan salah satu akidah asas bagi Yahudi. Terdapat begitu banyak nas-nas daripada nabi-nabi mereka di dalam sifir-sifir mereka yang membuktikan wujudnya kepercayaan tersebut di sisi mereka. Umpamanya di dalam kitab al-Talmud membincangkan tiga perbahasan berkenaan raj’ah iaitu:

1) Raj’ah sebahagian Yahudi yang mati pada zaman Musa a.s.

<sup>13</sup> Usul Al-Kafi jilid 1 hal. 423, Kasyf al-Ghummah jil. 2 hal. 507, Kitab al-Khisal hal. 478.

<sup>14</sup> Surahal-Maaidah ayat 12

<sup>15</sup> Sifr Zakaria Ishah ke 9. Lihat Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 227.

<sup>16</sup> Usul Al-Kafi jilid 1 hal. 377 Bab Keghaiban Imam, Al-Irsyad 363, Kasyf Al-Ghummah jil. 2 hal. 437.

- 2) Raj'ah Yahudi ketika keluarnya al-Masih al-Muntazar.
- 3) Nabi-nabi dan Rabbi-rabbi (pendita) mereka diberikan kekuasaan untuk membangkitkan sesiapa yang mereka kehendaki dari kalangan orang-orang yang telah mati.<sup>17</sup>

2.2.4.2. Kepercayaan terhadap raj'ah iaitu tentang kebangkitan para Imam sebelum qiamat untuk menuntut bela atau menghukum orang-orang zalim yang telah merampas hak-hak mereka adalah merupakan salah satu syarat keimanan di sisi Syi'ah. Makna raj'ah di sisi Syi'ah itu adalah sebagaimana yang diimani oleh golongan Yahudi. Antara ulama mereka yang menjelaskan makna tersebut ialah Ayatullah as-Sayyid Ibrahim al-Musawi dengan katanya:

"الرجعة عبارة عن حشر قوم عند قيام القائم الحجة بن الحسن عليه السلام ممن تقدم موتهم من أوليائه وشيعته ليفوزوا بثواب نصرته ومعونته ويبتهجوا بظهور دولته، وقوم من أعدائه ينتقم منهم وينالون بعض ما يستحقونه من العذاب والقتل على أيدي شيعته، وليبتلوا بالذل والخزي بما يشاهدونه من علو كلمته، وهي عندنا الإمامية الاثنا عشرية تختص بمن محض الإيمان ومحض الكفر والباقون سكوت عنهم"

Raj'ah bermaksud dihimpunkan ketika bangkitnya al-Qaim al-Hujjah bin al-Hasan a.s. (al-Mahdi) satu golongan yang merupakan pendokong-pendokong dan Syi'ahnya yang telah mati untuk menerima pahala membela dan membantunya serta gembira dengan nyata kekuasaannya (al-Mahdi) dan satu golongan (yang telah mati) yang merupakan musuh-musuhnya untuk dibalas dan mereka akan menerima azab yang sepatutnya mereka terima dan akan dibunuh di hadapan Syi'ahnya, mereka akan diaibkan dan dihina dengan disaksikan oleh Syi'ahnya dan ia di sisi kami Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah adalah khusus terhadap orang yang benar-benar beriman dan benar-benar kufur. Adapun yang lain mereka dibiarkan.<sup>18</sup>

<sup>17</sup> Sifr al-'Adad Ishah Ke 21. Lihat Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 277.

<sup>18</sup> 'Aqaaid al- Imamiyyah Ithna 'Asyariyyah jil. 2 hal. 228



Di antara ulama mereka yang menyebutkan tentang kepentingan akidah ini ialah Syeikh Mufid:

"واتفت الإمامية على وجوب رجعة كثير من  
الأموات"

"Golongan Imamiah sependapat tentang wajibnya raj'ah (kembali) sebahagian besar dari orang-orang mati ke dunia sebelum qiamat."<sup>19</sup>

Kepercayaan ini adalah termasuk daripada apa yang diserapkan oleh Ibnu Saba' daripada Yahudi ke dalam Syi'ah. Antara ulama yang menukikkan demikian ialah Imam Thabari ketika beliau menukikkan kata-kata Ibnu Saba' kepada penduduk Mesir yang berbunyi:

لعجب ممن يزعم أن عيسى يرجع ويكذب  
بأن محمدا يرجع وقد قال الله عز وجل إن  
الذي فرض عليك القرآن لرادك إلى معاد  
فمحمد أحق بالرجوع من عيسى قال فقبل  
ذلك عنه ووضع لهم الرجعة فتكلموا  
فيها

"Hairan sekali terhadap orang yang mendakwa bahawa Isa akan kembali ke dunia ini dan mendustakan bahawa Muhammad akan turut kembali juga ke dunia sedangkan Allah telah berfirman yang bermaksud: *Sesungguhnya Allah yang mewajibkan kepadamu (beramal dan menyampaikan) Al-Quran (wahai Muhammad) sudah tentu akan mengembalikan kamu ke tempat kembali*<sup>20</sup>. Muhammad adalah lebih patut untuk kembali (raj'ah) daripada 'Isa. Lalu diterima akidah tersebut daripadanya dan ia telah menentukan akidah raj'ah tersebut kepada mereka lalu mereka memperkatakannya"<sup>21</sup>

#### 2.2.5. Menisbahkan sifat kekurangan yang tidak layak bagi Allah ta'ala.

2.2.5.1. Yahudi menisbahkan sifat menyesal, sedih dan dukacita kepada Allah ta'ala di atas apa yang dilakukan oleh manusia.<sup>22</sup> Mereka mengatakan Allah bersedih kerana tidak menyangka berlaku sesuatu yang Ia menyangka sebaliknya.<sup>23</sup> Ini bermakna Yahudi menisbahkan sifat jahil kepada Allah ta'ala kerana Ia tidak mengetahui sesuatu perkara sehingga perkara itu berlaku dan kerana itu Ia bersedih dan menyesal.<sup>24</sup>

<sup>19</sup> Awaailu al-Maqaalat, hal 52

<sup>20</sup> Surahal-Qashas ayat 85

<sup>21</sup> Tarikh at-Thabari jil. 2 hal. 647, Firaq as-Syi'ah hal. 23 (sila lihat nota kaki no. 10)

<sup>22</sup> Sifr al-Khuruj Ishah Ke 32, Sifr Shamwil Ishah Ke15.

<sup>23</sup> Akhbar al-Ayyam al-Awwal Ishah 21.

<sup>24</sup> Lihat Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 317

2.2.5.2. Syi'ah menisbahkan kepada Allah sifat al-bada'. Bada' bermaksud nyata atau jelas sesuatu setelah tersembunyi atau timbul fikiran baru tentang sesuatu setelah melihat keadaan yang berlainan dari apa yang ada dalam pengetahuan seseorang sebelumnya. Kesimpulannya Bada' bererti jahil tidak mempunyai ilmu yang meliputi dan mengetahui sesuatu perkara setelah perkara itu terjadi. Akidah ini juga merupakan satu akidah yang penting di sisi Syi'ah. Di antara riwayat yang menjelaskan tentang pentingnya kepercayaan ini ialah apa yang dikemukakan oleh al-Kulaini dari ar-Rayyan Bin as-Salt, dia berkata: "Aku mendengar ar-Ridha a.s berkata: "Tidak ada seorang pun nabi yang diutus Allah melainkan ia membawa ajaran tentang haramnya arak dan ajaran yang memperakui Allah bersifat dengan al-Bada'."<sup>25</sup> Hakikat al-Bada' ini dihuraikan oleh satu riwayat yang dinukilkan oleh an-Naubakhti bahawa Ja'afar bin Muhammad al-Baqir telah menentukan anaknya Ismail sebagai Imam sesudahnya dan beliau telah mengisyaratkan kepadanya semasa hidup lagi, tiba-tiba Ismail mati ketika beliau masih hidup. Maka Ja'afar pun berkata: "Tidak pernah berlaku kepada Allah (al-Bada') berhubung dengan sesuatu seperti mana berlaku kepadanya berhubung dengan Ismail anakku."<sup>26</sup>

## 2.2.6. Penyelewengan kitab suci di sisi Yahudi dan Syi'ah

2.2.6.1. Al-Quran menyebutkan di dalam banyak ayat tentang penyelewengan kitab suci yang diturunkan kepada Nabi Musa a.s. iaitu Taurat oleh Yahudi. Pengakuan dari Allah ta'ala itu sendiri membuktikan bahawa mereka sememangnya terlibat di dalam jenayah dan kejahatan yang sangat berat itu. Antaranya:

وَمَا قَدَرُوا اللَّهَ حَقَّ قَدْرِهِ إِذْ قَالُوا مَا  
 أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَىٰ بَشَرٍ مِّن شَيْءٍ قُلْ مَنْ أَنْزَلَ  
 الْكِتَابَ الَّذِي جَاءَ بِهِ مُوسَىٰ نُورًا وَهُدًى  
 لِلنَّاسِ تَجْعَلُونَهُ قَرَاطِيسَ تُبْدُونَهَا وَتُخْفُونَ  
 كَثِيرًا وَعَلَّمْتُمْ مَا لَمْ تَعْلَمُوا أَنْتُمْ وَلَا  
 آبَاؤُكُمْ قُلِ اللَّهُ ثُمَّ ذَرْهُمْ فِي خَوْضِهِمْ  
 يَلْعَبُونَ

Dan tiadalah mereka (kaum Yahudi) menghormati Allah sesuai dengan penghormatan yang sebenarnya ketika mereka berkata: Allah tidak menurunkan sesuatu pun kepada manusia. Katakanlah (kepada kaum Yahudi yang ingkar itu): Siapakah yang menurunkan Kitab (Taurat) yang dibawa oleh Nabi Musa sebagai cahaya dan petunjuk bagi manusia, yang kamu jadikan dia lembaran-lembaran kertas, sambil kamu perlihatkan

<sup>25</sup> Al-Usul Min al-Kafi jilid 1 hal.148

<sup>26</sup> Firaq as-Syi'ah hal. 84

(kepada orang ramai sebahagian kecil daripadanya) dan kamu sembunyikan kebanyakannya; sedang kamu pula diajarkan (dengan pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalamnya), yang tidak diketahui oleh kamu (sebelum itu) dan tidak juga oleh datuk nenek kamu? Katakanlah (kepada mereka): Allah jualah (yang menurunkannya), kemudian, biarkanlah mereka leka bermain-main dalam kesesatannya.<sup>27</sup>

Firman-Nya lagi:

فِيمَا نَقَضُوا مِيثَاقَهُمْ لَعَنَّاهُمْ وَجَعَلْنَا قُلُوبَهُمْ قَاسِيَةً يُحَرِّفُونَ الْكَلِمَ عَنْ مَوَاضِعِهِ وَنَسُوا حَظًّا مِمَّا ذُكِّرُوا بِهِ وَلَا تَزَالُ تَطَّلِعُ عَلَى خَائِنَةٍ مِنْهُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِنْهُمْ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاصْفَحْ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maka dengan sebab mereka mencabuli perjanjian setia mereka, Kami laknatkan mereka, dan Kami jadikan hati mereka keras membatu (tidak mahu menerima kebenaran). Mereka sentiasa mengubah Kalimah-kalimah (yang ada di dalam kitab Taurat dengan memutarnya) dari tempat-tempatnya (dan maksudnya) yang sebenar dan mereka melupakan (meninggalkan) sebahagian dari apa yang diperingatkan mereka dengannya dan engkau (wahai Muhammad) sentiasa dapat melihat perbuatan khianat yang mereka lakukan, kecuali sedikit dari mereka (yang tidak berlaku khianat). Oleh itu, maafkanlah mereka (jika mereka sedia bertaubat) dan janganlah dihiraukan kerana sesungguhnya Allah suka kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalannya.<sup>28</sup>

Dan firman-Nya:

أَفَتَتَّبِعُونَ أَنْ يُؤْمِنُوا لَكُمْ وَقَدْ كَانَ فَرِيقٌ مِنْهُمْ يَسْمَعُونَ كَلِمَ اللَّهِ ثُمَّ يُحَرِّفُونَهُ مِنْ بَعْدِ مَا عَقَلُوهُ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Apakah kamu masih mengharapkan mereka akan percaya kepadamu, padahal segolongan dari mereka mendengar firman Allah, lalu mereka mengubahnya setelah mereka memahaminya, sedang mereka mengetahui?<sup>29</sup>

2.2.6.2. Begitu juga dengan golongan Syi'ah. Di antara akidah mereka yang disepakati oleh ulama-ulama mereka dan terdapat di dalam mana-mana kitab utama mereka adalah al-Quran yang ada di tangan umat Islam

<sup>27</sup> Surah al-An'am ayat 91

<sup>28</sup> Surah al-Maidah ayat 13

<sup>29</sup> Surah al-Baqarah ayat 75

sekarang ini telah berlaku penyelewengan, tokoh tambah dan pengubahan padanya. Di antara ulama Syi'ah yang menyebutkan demikian adalah Sayyid Ni'matullah al-Jazaairi di dalam kitabnya *Al-Anwar An-Nu'maniyyah* sebagaimana yang dinukilkan oleh Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi di dalam kitabnya:

أن الأصحاب قد أطبقوا على صحة الأخبار  
المستفيضة بل المتواترة الدالة  
بصريحها على وقوع التحريف في القرآن

"Sesungguhnya tokoh-tokoh Syi'ah telah sepakat tentang sahnya hadits-hadits yang sampai ke peringkat mutawattir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran."<sup>30</sup>

Pendapat sedemikian lahirnya daripada riwayat-riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab utama Syi'ah daripada imam-imam maksum yang melebihi dua ribu yang dengan jelas menyebutkan bahawa al-Quran ini telah diselewengkan. Di antara riwayat tersebut ialah:

عن جابر قال: سمعت أبا جعفر عليه  
السلام يقول: ما ادعى أحد من الناس أنه  
جمع القرآن كله كما أنزل إلا كذاب، وما  
جمعه وحفظه كما نزله الله تعالى إلا علي  
بن أبي طالب عليه السلام والائمة من  
بعده عليهم السلام

Bermaksud: Daripada Jabir katanya, aku mendengar Abu Ja'far a.s. berkata: "Tidaklah seseorang itu mendakwa bahawa ia telah mengumpulkan al-Quran kesemuanya sebagaimana diturunkan melainkan ia adalah seorang pendusta, al-Quran tidak dihimpunkan dan dihafal sebagaimana diturunkan oleh Allah Ta'ala kecuali Ali bin Abi Talib a.s. dan imam-imam selepasnya a.s."<sup>31</sup>

Hakikat sebenar ialah Syi'ah mahu melakukan penyelewengan terhadap al-Quran dan menghilangkan keaslian wahyu yang diturunkan kepada Nabi s.a.w.. Contoh ayat-ayat yang diselewengkan oleh mereka terlalu banyak seperti:

واما ما هو كان على خلاف ما انزل الله فهو  
قوله " كنتم خير امة اخرجت للناس

<sup>30</sup> Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi *Fashl al-Khitab Fi Ithbati Tahrif Kitabi Rab al-Arbab* hal. 31

<sup>31</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 hal. 228

تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر  
وتؤمنون بالله " فقال ابو عبدالله عليه  
السلام لقاري هذه الآية " خير امة "  
يقتلون امير المؤمنين والحسن والحسين  
بن علي عليه السلام؟ ف قيل له وكيف نزلت  
يابن رسول الله؟ فقال انما نزلت " كنتم  
خير ائمة اخرجت للناس"

Bermaksud: Adapun ayat yang menyalahi apa yang diturunkan Allah adalah firman-Nya, " كنتم خير امة اخرجت للناس " تأمرون بالمعروف وتنهون عن المنكر "وتؤمنون بالله" maka Abu Abdillah a.s. berkata kepada pembaca ayat tersebut, "Sebaik-baik umat? Sedangkan merekalah yang membunuh Amirul mukminin, Hasan dan Husain a.s.? Lalu Dia a.s. ditanya, "Bagaimanakah ayat ini turun wahai anak (cucu) Rasulullah s.a.w.? Maka diapun menjawab, "Sesungguhnya ayat ini turun كنتم خير ائمة اخرجت للناس"<sup>32</sup>

Dan,

عن عبدالله بن سنان، عن أبي عبدالله عليه  
السلام في قوله: " ولقد عهدنا إلى آدم  
من قبل " كلمات في محمد وعلي وفاطمة  
والحسن والحسين والائمة عليهم السلام من  
ذريتهم " فنسي " هكذا والله نزلت على  
محمد صلى الله عليه وآله .

Daripada Abdullah bin Sinan daripada Abu Abdillah a.s. berkenaan firman Allah Ta'ala: " Dan demi sesungguhnya, Kami telah berpesan kepada Adam pada masa yang lalu," **beberapa kalimah berkenaan Muhammad, Ali, Fatimah, Hasan, Husain dan imam-imam dari keturunan mereka a.s.**" lalu Adam lupa" Demi Allah demikianlah ayat tersebut turun kepada Muhammad s.a.w."<sup>33</sup>

Di antara keserupaan Yahudi dengan Syi'ah di dalam masalah tahrif kitab suci ialah Yahudi mengatakan berlaku tahrif kerana tidak terdapat di dalamnya ayat-ayat yang menunjukkan kekuasaan adalah milik keluarga

<sup>32</sup> Tafsir al-Qummi jilid 1 hal. 11

<sup>33</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 hal 119

Nabi Daud a.s. dan Syi'ah mengatakan bahawa di dalamnya tidak terdapat ayat-ayat yang menunjukkan bahawa kekuasaan adalah milik keturunan Sayyidina Husain r.a.<sup>34</sup>

#### 2.2.7. Melampau di dalam memuja dan membenci.

2.2.7.1. Yahudi melampau di dalam membesarkan dan memuja sebahagian daripada nabi-nabi seperti Nabi Musa, Nabi Yaa'kub, Nabi Daniel<sup>35</sup>, Nabi Iliya<sup>36</sup> a.s. dan sebagainya. Mereka mengatakan bahawa Nabi Yaa'kub bergusti dengan Allah dan beliau dapat mengalahkan Allah.<sup>37</sup> Nabi Musa pula dilantik oleh Allah sebagai tuhan kepada Fir'aun dan Nabi Harun pula dilantik sebagai nabinya.<sup>38</sup> Ini bermakna Yahudi telah melampau di dalam mengangkat maqam Nabi Musa daripada maqam hamba kepada maqam ketuhanan. Begitu juga mereka melampau di dalam memberikan kedudukan yang teramat tinggi kepada penditapedita mereka. Kerana itu kedudukan at-Talmud lebih tinggi di sisi mereka daripada Taurat. Kata-kata pendita mereka yang terdapat di dalam Talmud adalah jauh lebih tinggi dan lebih mulia daripada kata-kata nabi di dalam Taurat.<sup>39</sup> Di samping itu mereka menuduh, menghina dan mencela nabi-nabi yang lain dengan celaan yang tidak selayaknya kepada nabi tersebut. Di antaranya tuduhan bahawa Nabi Luth berzina dengan dua orang anak perempuannya,<sup>40</sup> Nabi Harun telah membuat patung anak lembu daripada emas supaya disembah oleh Bani Israel<sup>41</sup> dan sebagainya. Yahudi juga menuduh Maryam adalah seorang penzina dan Nabi 'Isa adalah anak zina.

2.2.7.2. Syi'ah melampau di dalam memuja dan membesarkan imam-imam maksum di sisi mereka. Pegangan mereka yang melampau terhadap imam-imam mereka sehingga sampai peringkat melakukan syirik terhadap Allah ta'ala kerana mereka telah memberikan sifat-sifat ketuhanan kepada imam-imam tersebut. Mereka mengatakan bahawa dunia dan akhirat adalah kepunyaan imam, imam-imam adalah pembahagi syurga dan neraka, imam-imam adalah wajah Allah, mata Allah di kalangan makhluk dan sebagainya.<sup>42</sup> Mereka juga seperti Yahudi dari segi membenci satu golongan yang lain bilamana mereka mengkafirkan, mencela, mencacimaki sahabat-sahabat Nabi s.a.w.. Kepercayaan sebegini adalah

---

<sup>34</sup> Lihat Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 418

<sup>35</sup> Sifr Daniel Ishah keempat.

<sup>36</sup> Sifr al-Muluk al-Awwal Ishah keempat.

<sup>37</sup> Sifr at-Takwin Ishah kedua.

<sup>38</sup> Sifr al-Khuruj ishah ketujuh.

<sup>39</sup> Lihat Bazl Al-Majhud Fi Ithbat Musyabahah Ar-Rafidhah Lil Yahud hal. 447

<sup>40</sup> Sifr at-Takwin Ishah ke 17.

<sup>41</sup> Sifr al-Khuruj Ishah ke 32.

<sup>42</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 1 hal. 409, bab "dunia ini semuanya kepunyaan Imam, hal. 83, Kitab al-Hujjah Min al-Kafi j.1 hal:197, Rijal al-Kasysyi hal. 211, At-Tauhid Syeikh Saqud hal 151, Usul al-Kafi jil. 1 hal 262 dan lain-lain.

merupakan dharuriat di dalam agama mereka. Mereka mengatakan bahawa sahabat-sahabat semuanya telah murtad selepas kewafatan Nabi s.a.w. kecuali tiga orang sahaja<sup>43</sup> dan pelbagai lagi penghinaan terhadap sahabat-sahabat r.a. memenuhi kitab-kitab mereka. Mereka juga seperti Yahudi bila mereka menuduh ‘Aaisyah r.a. telah berzina dengan Safwan bin Mu’atthal.

2.2.8. Menganggap diri mereka adalah suci bukan bangsa atau penganut agama yang lain.

2.2.8.1. Penganut agama Yahudi menganggap bangsa mereka adalah bangsa yang terpilih di sisi Allah dan Allah melebihkan mereka daripada sekalian manusia.<sup>44</sup>

2.2.8.2. Golongan Syi’ah juga menganggap bahawa mereka adalah golongan yang terpilih di sisi Allah. Kejadian mereka juga bukanlah dari jenis tanah yang sama dengan penganut agama lain bahkan tanah yang digunakan untuk mencipta mereka adalah yang terpilih.<sup>45</sup>

2.2.9. Banyak lagi keserupaan antara Yahudi dan Syi’ah seperti melewati berbuka puasa, menghiasi kuburan dan sebagainya. Namun begitu apa yang telah dikemukakan ini sudahpun cukup sebagai peringatan kepada kita semua.

2.2.10. Ibnu ‘Abd Rabbih menghimpun keserupaan antara Yahudi dan Syi’ah di dalam kitabnya dengan berkata:

قالت اليهود: لا يكون المُلْك إلا في آل داود، وقالت الرافضة: لا يكون المُلْك إلا في آل علي بن أبي طالب، وقالت اليهود: لا يكون جهاد في سبيل الله حتى يخرج المسيح المنتظر، ويُنادي منادٍ من السماء، وقالت الرافضة: لا جهاد في سبيل الله حتى يخرج المهدي، وينزل سبب من السماء، واليهود يؤخرون صلاة المغرب حتى تشتبك النجوم، وكذلك الرافضة، واليهود لا ترى الطلاق الثلاث شيئاً، وكذا الرافضة واليهود لا ترى على النساء عدة وكذلك الرافضة، واليهود تستحل دم كل مسلم، وكذلك

<sup>43</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Raudhah Min al-Kafi* – jilid 8 hal 245

<sup>44</sup> Sifr at-Tasyniah Ishah ke 7, 27, Sifr al-KhuruJ Ishah ke 19

<sup>45</sup> Bashair ad-Darajaat hal. 70, Bihar al-Anwar jul. 67 hal. 74, al-Kafi jil. 1 hal. 389

الرافضة، واليهود حرفوا التوراة وكذلك الرافضة حرفت القرآن، واليهود تُبغض جبريل وتقول: هو عدونا من الملائكة، وكذلك الرافضة تقول: غلط جبريل في الوحي إلى محمد بترك علي بن أبي طالب، واليهود لا تأكل لحم الجُزور، وكذلك الرافضة. وليهود والنصارى فضيلة على الرافضة في خصلتين، سُئل اليهود مَنْ خَيْرَ أَهْلِ مِلَّتِكُمْ؟ فقالوا: أصحاب موسى، وسُئِلت النصارى، فقالوا: أصحاب عيسى، وسُئِلت الرافضة: مَنْ شَرَّ أَهْلِ مِلَّتِكُمْ؟ فقالوا: أصحاب محمد

Yahudi berkata: kekuasaan hanyalah pada keluarga Daud sahaja dan rafidhah berkata kekuasaan hanyalah pada keluarga Ali bin Abi Talib sahaja. Yahudi berkata tidak ada jihad di jalan sehingga keluar al-Masih al-Muntazar dan seorang penyeru berseru dari langit dan rafidhah berkata tidak ada jihad di jalan Allah sehingga keluar al-Mahdi dan turun tali dari langit. Yahudi melewati sembahyang maghrib sehingga bintang bertaburan di langit, begitu juga rafidhah. Yahudi berpendapat tidak jatuh talak tiga, begitu juga rafidhah. Yahudi tidak menetapkan sebarang 'iddah kepada perempuan, begitu juga rafidhah. Yahudi menganggap halal darah setiap muslim, begitu juga rafidhah. Yahudi menyelewengkan Taurat, begitu juga rafidhah menyelewengkan al-Quran. Yahudi membenci Jibril dan berkata dia adalah musuh kami dari kalangan malaikat, begitu juga rafidhah menganggap bahawa Jibril tersilap di dalam memberikan wahyu kepada Muhammad dengan meninggalkan Ali bin Abi Talib. Yahudi tidak memakan daging unta, begitu juga rafidhah. Yahudi dan Nasara mempunyai dua ciri yang mengatasi rafidhah, jika Yahudi ditanya tentang siapakah yang terbaik dari kalangan ahli agama kamu mereka akan menjawab, "sahabat-sahabat Musa", dan jika Nasara ditanya mereka akan menjawab, "sahabat-sahabat 'Isa dan jika rafidhah ditanya siapakah orang yang paling jahat dari kalangan penganut agama kamu mereka akan menjawab, "sahabat-sahabat Muhammad".<sup>46</sup>

### 3. Al-Quran Sebagai Sumber Syi'ah.

#### 3.1. Kedudukan sebenar al-Quran di sisi Syi'ah.

Syi'ah pada hakikatnya adalah golongan yang tidak mempercayai kebenaran al-Quran dan tidak menjadikan al-Quran sebagai sumber ajarannya bahkan Syi'ah

<sup>46</sup> Al-'Iqd al-Farid Ibnu 'Abd Rabbih jil. 1 hal. 225



mempercayai bahawa al-Quran yang digunakan oleh umat Islam sekarang ini telahpun berlaku tokok tambah padanya dan diselewengkan. Hakikat ini terdapat di dalam mana-mana kitab utama mereka dan diakui oleh ulama-ulama mereka terutamanya golongan salaf mereka. Sebagai contoh apa yang disebutkan oleh Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi sebagai menukikan kata-kata Sayyid Ni'matullah al-Jazaairi di dalam kitabnya *Al-Anwar An-Nu'maniyyah* yang berbunyi:

أن أصحاب قد أطبقوا على صحة الأخبار  
المستفيضة بل المتواترة الدالة بصريحها  
على وقوع التحريف في القرآن

Bermaksud: "Sesungguhnya tokoh-tokoh Syi'ah telah sepakat tentang sahnya hadith-hadith yang sampai ke peringkat mutawaatir yang menunjukkan dengan jelas tentang berlakunya penyelewengan terhadap al-Quran."<sup>47</sup>

Dan ramai lagi ulamak Syi'ah yang menerima bahawa telah berlakunya tahrif di dalam al-Quran seperti Syeikh Mufid di dalam *Awailul Maqaalat* hal 13, At-Thabarsi di dalam *Al-Ihtijaj* jilid 1 hal. 370, Al-Kasyani di dalam mukaddimah *Tafsir As-Shafi*, Abul Hasan Al-Amili di dalam mukaddimah *Tafsir Mir'atul Anwar*, Syeikh Ali bin Ibrahim al-Qummi di dalam mukaddimah *Tafsir al-Qummi* dan lain-lain.

### 3.2. Perselisihan pendapat berkenaan tahrif al-Quran di kalangan ulama Syi'ah.

Ulama Syi'ah terbahagi kepada dua golongan di dalam persoalan berkaitan tahrif al-Quran.

3.2.1. Golongan Usuliyun yang menerima mana-mana riwayat imam maksum yang sahih mengikut pandangan mereka. Mana-mana riwayat yang mereka merasakan ianya adalah dho'if maka mereka menolaknya. Kerana itulah kebanyakan mereka sependapat dengan Ahl as-Sunnah bahawa al-Quran adalah kitab yang terpelihara daripada sebarang perubahan kerana Allah ta'ala sendiri yang berjanji untuk memeliharanya. Di samping itu mereka berpegang dengan beberapa riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab utama mereka seperti al-Kafi yang menyuruh supaya berpegang dengan al-Quran yang terdapat di tangan umat Islam kini. Mereka menghukum batil segala riwayat yang melebihi dua ribu riwayat daripada imam-imam maksum yang menyebutkan bahawa berlaku tahrif terhadap al-Quran walaupun dikalangan mereka ada juga yang berpendapat bahawa tahrif memang berlaku kepada al-Quran.

---

<sup>47</sup> Allamah Husain bin Muhammad Taqiy an-Nuuri at-Thabarsi *Fashl al-Khitab Fi Ithbati Tahrif Kitabi Rab al-Arbab* m.s. 31

3.2.2. Golongan kedua iaitu Akhbariyyun menerima segala riwayat yang datang daripada imam-imam mereka walaupun menyalahi akal selagi tiada sebarang hujah untuk menolak riwayat tersebut. Kerana itu mereka menerima riwayat daripada imam maksum berkenaan berlakunya tahrif al-Quran kerana riwayat-riwayat tersebut adalah mutawatir dan tidak mungkin sama sekali untuk menolaknya. Andaikata riwayat-riwayat tersebut ditolak mentah-mentah sahaja bagaimana pula dengan riwayat berkenaan imamah, raj'ah, mut'ah dan sebagainya. Bagaimana pula dengan ayat-ayat al-Quran yang jelas bercanggah dengan akidah mereka seperti pujian terhadap sahabat-sahabat r.a. dan sebagainya. Begitu juga dengan kosongnya al-Quran daripada membicarakan usul agama mereka seperti imamah, raj'ah serta langsung tidak menyebutkan nama imam-imam mereka. Adapun riwayat yang terdapat di dalam kitab-kitab utama mereka menyuruh supaya berpegang dengan al-Quran yang terdapat di tangan umat Islam ini mereka berpendapat bahawa imam-imam menyuruh supaya berpegang dengan yang ada ini sehingga bangkitnya Imam Mahdi yang akan mengeluarkan al-Quran yang sahih.<sup>48</sup> Antara ulama mereka yang mengemukakan pendapat sedemikian ialah al-Mufid dan al-Majlisi.<sup>49</sup> Di antara riwayat yang menunjukkan bahawa al-Quran sebenar di sisi mereka yang tidak berlaku sebarang perubahan padanya dan akan dikeluarkan oleh Imam Mahdi mereka ialah:

عن سالم بن سلمة قال: قرأ رجل علي أبي  
 عبدالله عليه السلام وأنا أستمع حروفا من  
 القرآن ليس علي ما يقرؤها الناس، فقال  
 أبو عبدالله عليه السلام: كف عن هذه القراءة  
 اقرأ كما يقرأ الناس حتى يقوم القائم  
 فإذا قام القائم عليه السلام قرأ كتاب  
 الله عز وجل علي حده وأخرج المصحف الذي  
 كتبه علي عليه السلام وقال: أخرجه علي  
 عليه السلام إلى الناس حين فرغ منه  
 وكتبه فقال لهم: هذا كتاب الله عز وجل كما  
 أنزله [الله] علي محمد صلى الله عليه وآله  
 وقد جمعته من اللوحين فقالوا: هو ذا  
 عندنا مصحف جامع فيه القرآن لا حاجة لنا  
 فيه، فقال أما والله ما ترونه بعد يومكم

<sup>48</sup> Untuk perbincangan lebih lanjut sila lihat Tauthiq as-Sunnah Syeikh Ahmad Haris Suhaimi, Usul Syi'ah 'Ardh Wa Naqd Doktor Nasir Al-Qaffazi

<sup>49</sup> Mir'at al-'Uqul jil. 3 hal. 31.

هذا أبدأ، إنما كان علي أن أخبركم حين  
جمعه لتقرؤوه.

Bermaksud: Daripada Salim bin Salamah katanya: "Ada seorang membaca al-Quran kepada Abi Abdillah a.s. dan aku mendengar dengan teliti beberapa ayat al-Quran bukan sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai, lalu Abu Abdillah a.s. berkata, "Berhentilah daripada bacaan sebegini, bacalah sebagaimana yang dibaca oleh orang ramai sehingga bangkit Al-Qaim (imam mahdi), bilamana Al-Qaim a.s. bangkit dia akan membaca kitab Allah 'Azzawajalla yang sebenar dan dia akan mengeluarkan mushaf yang ditulis oleh Ali a.s. Abu Abdillah a.s. berkata lagi, "Ali a.s. telah mengeluarkan al-Quran tersebut kepada orang ramai (sahabat-sahabat) setelah dia selesai daripada menghimpunkan dan menulisnya lalu dia berkata kepada mereka, "Ini adalah kitab Allah 'Azzawajalla sebagaimana yang Ia turunkan kepada Muhammad s.a.w. dan aku telah himpunkannya daripada dua lauh." Maka mereka (sahabat-sahabat) berkata, "Ini di sisi kami telahpun ada mushaf yang terhimpun di dalamnya al-Quran, kami tidak lagi berhajat kepadanya." Lalu dia (Ali a.s.) berkata, "Ketahuilah demi Allah! Kamu tidak akan dapat melihatnya selama-lamanya selepas hari ini, kewajiban atasku hanyalah menceritakan kepada kamu setelah aku menghimpunkannya supaya kamu membacanya".<sup>50</sup>

### 3.3. Al-Quran yang digunakan umat Islam kini sebagai sumber ajaran Syi'ah.

#### 3.3.1. Tafsiran *batiniyah* di sisi Syi'ah.

Walaupun terdapat perselisihan di antara Akhbariyyun dan Usuliyyun di mana sebahagian ulama Syi'ah mengatakan perselisihan tersebut sampai kepada peringkat mengkafirkan satu sama lain dan tidak sah satu golongan berimamkan golongan yang satu lagi<sup>51</sup> dan sebahagian lagi mengatakan perselisihan mereka pada rupa zohir sahaja dan tidak pada hakikatnya<sup>52</sup> namun masing-masing tidak menghalang daripada beramal dengan al-Quran yang ada ini dengan Akhbariyyun beralasan kerana imam menyuruh supaya beramal dengannya sehingga al-Mahdi mengeluarkan yang sebenar. Tetapi kedua golongan ini sama-sama bermasalah di dalam menghadapi ayat-ayat yang jelas bertentangan dengan akidah mereka. Kerana itulah mereka menggunakan pentafsiran al-Quran berdasarkan makna *batiniyah* di sisi mereka iaitu melalui riwayat daripada imam maksum. Tafsiran tersebut seperti mentafsirkan *ba'udbob* (nyamuk) dengan Sayyidina 'Ali r.a. dan *wama fauqaba* (yang lebih daripadanya) dengan Rasulullah s.a.w.<sup>53</sup>, dua laut yang

<sup>50</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jil. 2 ms. 633

<sup>51</sup> Lihat Ma'a Ulama An-Najaf *Muhammad Jawab Mughniyah* hal. 74. (Sumber: Usul Syi'ah Doktor Nasir al-Qaffazi jil. 1 hal. 86)

<sup>52</sup> *Al-Usul Al-'Aammah* hal. 105. Lihat Tauthiq As-Sunnah hal. 104

<sup>53</sup> Tafsir al-Qummi jil. 1 hal 35 tafsiran ayat 26 surah al-Baqarah.

bertemu sebagai ‘Ali dan Fatimah r.a.<sup>54</sup>, iman dengan ‘Ali r.a. dan *al-kufri*, *al-fusuq* dan *al-'ishyan* dengan si-fulan, si-fulan dan si-fulan<sup>55</sup> dan maksud fulan pertama di dalam kitab-kitab Syi'ah adalah Abu Bakar, fulan kedua adalah Umar dan ketiga adalah Uthman r.a. dan berbagai tafsiran batiniah di sisi mereka yang langsung tidak bersesuaian dengan sesuatu ayat itu. Di antara bentuk tafsiran tersebut seperti apa yang dikemukakan oleh al-Kulaini:

عن الثمالي، عن أبي جعفر عليه السلام قال: أوحى الله إلي نبيه صلى الله عليه وآله " فاستمسك بالذي أوحى إليك إنك على صراط مستقيم " قال: إنك على ولاية علي وعلي هو الصراط المستقيم.

Daripada Thumali daripada Abu Jaa'far a.s. katanya, "Allah telah mewahyukan kepada Nabi-Nya s.a.w. " Dengan yang demikian, berpegang teguhlah engkau kepada Al-Quran yang telah diwahyukan kepadamu; kerana sesungguhnya engkau berada di atas jalan yang lurus." Beliau a.s. berkata, "Sesungguhnya engkau berada di atas walayah Ali dan Ali adalah jalan yang lurus".<sup>56</sup>

3.3.2. Penggunaan dalil al-Quran oleh Syi'ah untuk menguatkan ajaran mereka dan penolakan terhadapnya.

Untuk menguatkan ajaran mereka dan memperdaya golongan Ahl as-Sunnah maka mereka mendakwa menjadikan al-Quran sebagai dalil mereka secara *taqiyyah*<sup>57</sup>. Namun hakikatnya mereka bukan menjadikan al-Quran sebagai ikutan mereka tetapi sebaliknya menjadikan al-Quran mengikut hawa nafsu mereka. Kerana itulah kita akan melihat begitu banyak sekali ayat-ayat al-Quran yang ditakwilkan sesuka hati mereka sahaja supaya bersesuaian dengan kesesatan pegangan mereka. Di sini akan dikemukakan beberapa contoh penyalahgunaan al-Quran oleh mereka dan penolakan terhadap dalil al-Quran yang dijadikan hujah oleh mereka.

3.3.2.1. Ayat Tathir.

<sup>54</sup> Tafsir al-Qummi jil. 2 hal 345 tafsiran ayat 16 surah al-Rahman.

<sup>55</sup> Tafsir al-Qummi jil. 2 hal 320 tafsiran ayat 7 surah al-Hujurat.

<sup>56</sup> Muhammad bin Yaakob al-Kulaini *Al-Usul Min al-Kafi* jilid 1 hal. 119

<sup>57</sup> Taqiyyah bermaksud menyatakan sesuatu berlainan dengan apa yang terdapat di dalam hati. Dalam erti kata yang mudah taqiyyah bermaksud berbohong dan ia adalah salah satu sifat nifak. Yang dimaksudkan dengan taqiyyah di sini ialah mereka sebenarnya tidak menjadikan al-Quran sebagai asas pegangan mereka bahkan mereka hanya berpada dengan riwayat-riwayat imam maksum mereka tetapi di sini untuk menampakkan kepada Ahlus Sunnah seolah-olah mereka juga berpegang dengan al-Quran.

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ  
وَيُطَهِّرَكُم تَطْهِيرًا

Bermaksud: Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji).<sup>58</sup>

Ayat ini dijadikan antara dalil utama mereka di dalam menegakkan akidah imamah seperti mengatakan bahawa imam dua belas mereka adalah maksum dan dilantik dari pihak Allah. Namun begitu ulama Ahl as-Sunnah wa al-Jamaah menolak penghujahan mereka dengan beberapa dalil. Di sini akan dikemukakan secara ringkas sahaja jawapan terhadap mereka. Antaranya:

3.3.2.1.1. Tidak ada seorangpun ahli bahasa yang mengatakan tathir bermaksud memaksumkan daripada segala dosa, silap dan lalai. Di samping itu terdapat banyak lagi ayat-ayat al-Quran yang menggunakan perkataan yang sama dan tiada seorangpun yang menyatakan ianya bermakna memaksumkan.

3.3.2.1.2. Ayat ini menunjukkan Ahl al-Bait bukanlah maksum kerana itu Allah ta'ala mengatakan "mahu membersihkan".

3.3.2.1.3. Kalaulah ayat ini dikaitkan dengan hadith kisa' yang mana individu yang terlibat adalah Ali, Fatimah, Hasan dan Husain, bagaimana pula dengan imam-imam yang lain. Ini tidak dibincangkan lagi secara menyeluruh berkenaan hadith tersebut.

3.3.2.1.4. Mengapa dikeluarkan isteri-isteri Nabi s.a.w. daripada ayat ini sedangkan ayat sebelum dan selepasnya membicarakan berkenaan mereka.

3.3.2.2. Mereka juga turut menggunakan ayat al-Quran untuk mengharuskan perkahwinan mut'ah di sisi mereka. Ayat tersebut adalah ayat berkenaan pemberian mahar kepada perempuan iaitu:

فَمَا اسْتَمْتَعْتُمْ بِهِ مِنْهُنَّ فَآتُوهُنَّ أُجُورَهُنَّ  
فَرِيضَةً وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ فِي مَا تَرَاضَيْتُمْ بِهِ  
مِنْ بَعْدِ الْفَرِيضَةِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلِيمًا  
حَكِيمًا

Bermaksud: Kemudian mana-mana perempuan yang kamu nikmati percampuran dengannya (setelah dia menjadi isteri kamu), maka

<sup>58</sup> Surah al-Ahzab ayat 33

berikanlah kepada mereka mas kahwinnya (dengan sempurna), sebagai suatu ketetapan (yang diwajibkan oleh Allah) dan tiadalah kamu berdosa mengenai sesuatu persetujuan yang telah dicapai bersama oleh kamu (suami isteri), sesudah ditetapkan mas kahwin itu (tentang cara dan kadar pembayarannya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.<sup>59</sup>

Namun begitu jika diteliti ayat ini nescaya tidak ditemui sebarang dalil yang menunjukkan kepada perkahwinan bertempoh iaitu nikah mut'ah sama ada secara jelas ataupun isyarat apatah lagi jika dipandang kepada ayat sebelum dan selepasnya. Kerana jika dilihat kepada ayat sebelumnya bermula dari ayat tujuh lagi ianya membicarakan berkenaan dengan hukum warisan atau pusaka yang berkait rapat dengan perkahwinan yang berkekalan dan begitu juga ayat selepasnya membicarakan berkenaan hukum perkahwinan yang berkekalan. Contohnya ayat selepasnya<sup>60</sup> adalah dengan maksud Allah mahu meringankan bebanan lelaki di dalam perkahwinan dengan berpindah daripada perkahwinan dengan perempuan merdeka kepada perkahwinan dengan hamba. Andaikata ayat di atas berkenaan dengan perkahwinan mut'ah maka tidak ada maknanya Allah ta'ala mahu memberikan kemudahan kepada lelaki untuk mengahwini hamba di dalam ayat seterusnya kerana tiada perkahwinan yang lebih mudah daripada mut'ah.

#### 4. Al-Sunnah Sebagai Sumber Ajaran Syi'ah.

##### 4.1. Sunnah di sisi Syi'ah.

Syi'ah juga menjadikan sunnah sebagai rujukan kedua mereka. Namun begitu sunnah di sisi mereka berbeza dengan sunnah di sisi Ahl as-Sunnah. Sunnah di sisi mereka adalah kata-kata imam maksum, perbuatannya atau pengakuannya. Kerana itu riwayat dari imam maksum di sisi mereka terutamanya Jaa'far as-Sadiq dan Muhammad al-Baqir memenuhi kitab-kitab utama mereka terutamanya *sibah arba'ah*.

4.2. Penggunaan dalil sunnah di sisi Ahl as-Sunnah iaitu hadith Rasulullah s.a.w. oleh Syi'ah untuk menguatkan ajaran mereka dan penolakan terhadapnya.

---

<sup>59</sup> Surah an-Nisaa' ayat 24

<sup>60</sup> Maksud ayat tersebut: Dan sesiapa di antara kamu yang tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk berkahwin dengan perempuan-perempuan yang baik-baik (yang merdeka, yang terpelihara kehormatannya) lagi beriman, maka bolehlah kamu berkahwin dengan hamba-hamba perempuan yang beriman yang kamu miliki. dan Allah lebih mengetahui akan iman kamu, kamu masing-masing (suami Yang merdeka dan isteri dari hamba - abdi itu) adalah berasal sama (dari Adam, dan seugama pula). oleh itu berkahwinlah dengan mereka dengan izin walinya serta berikanlah maskahwinnya menurut yang patut. Mereka (hamba-hamba perempuan yang akan dijadikan isteri, hendaklah) yang sopan bukan perempuan-perempuan lacur, dan bukan pula yang mengambil lelaki sebagai teman simpanan.

Syi'ah pada hakikatnya tidak menerima mana-mana riwayat daripada sahabat-sahabat r.a. yang terdapat di dalam kitab-kitab Ahl as-Sunnah. Tetapi sebagaimana mereka menggunakan al-Quran untuk menguatkan pegangan mereka dan untuk mempedaya golongan Ahl as-Sunnah maka mereka juga menggunakan hadith dengan maksud yang sama. Di sini akan dikemukakan satu contoh Syi'ah menggunakan riwayat Ahl as-Sunnah secara *taqiyyah* untuk menguatkan fahaman mereka dan penolakan terhadap mereka.

4.2.1. Hadith dua belas khalifah iaitu:

عَنْ عَامِرِ بْنِ سَعْدِ بْنِ أَبِي وَقَّاصٍ قَالَ كَتَبْتُ إِلَى جَابِرِ بْنِ سَمُرَةَ مَعَ غُلَامِي نَافِعٍ أَنْ أَخْبِرَنِي بِشَيْءٍ سَمِعْتُهُ مِنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَكَتَبَ إِلَيَّ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمَ جُمُعَةٍ عَشِيَّةَ رُجْمِ الْأَسْلَمِيِّ يَقُولُ لَا يَزَالُ الدِّينُ قَائِمًا حَتَّى تَقُومَ السَّاعَةُ أَوْ يَكُونَ عَلَيْكُمْ اثْنَا عَشَرَ خَلِيفَةً كُلُّهُمْ مِنْ قُرَيْشٍ وَسَمِعْتُهُ يَقُولُ عُصْبَةُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ يَفْتَحُونَ الْبَيْتَ الْأَبْيَضَ بَيْتَ كِسْرَى أَوْ آلِ كِسْرَى

Daripada ‘Amir bin Sa’ad bin Abi Waqqas katanya, saya menulis kepada Jabir bin Samurah bersama hambaku Nafi’ supaya engkau ceritakan kepadaku sesuatu yang engkau dengarnya daripada Rasulullah s.a.w., Dia (‘Amir) berkata, “lalu dia (Jabir) menulis kepadaku, “aku mendengar Rasulullah s.a.w. pada hari Jumaat ..... yang direjam Ma’iz al-Aslami bersabda: “Agama ini akan terus teguh sehingga berlakunya kiamat atau sehingga kamu dikuasai oleh dua belas orang khalifah, mereka semuanya dari Quraisy”. Aku mendengar Baginda bersabda lagi, “satu kelompok dari orang-orang Islam akan menakluk rumah putih iaitu rumah (kerajaan) Kisra atau keluarga Kisra”.<sup>61</sup>

Hadith ini diriwayatkan melalui beberapa jalan di dalam beberapa kitab hadith Ahl as-Sunnah seperti Jami’ at-Termizi, Sunan Abi Daud dan lain-lain. Golongan Syi’ah mengatakan dua belas khalifah atau amir yang terdapat di dalam hadith ini adalah dua belas imam maksum di sisi mereka. Ulama-ulama Ahl as-Sunnah menolak pegangan mereka dengan beberapa alasan. Antaranya adalah:

Pertama: Di dalam hadith tersebut Nabi s.a.w. menggunakan kalimah amir atau khalifah dan tidak ada satupun riwayat yang menyebut kalimah imam dengan mufrad atau aimmah dengan lafaz jama’.

Kalau dipandang kepada kalimah sahajapun ianya sama sekali tidak menepati

<sup>61</sup> Muslim bin al-Hajjaj *Sahih Muslim* Bab Manusia Mengikut Quraisy Dan Khilafah Adalah Pada Quraisy.

imam-imam Syi'ah kerana kalimah amir atau khalifah digunakan kepada pemerintah. Sedangkan di kalangan imam-imam Syi'ah hanya dua orang sahaja yang menjadi pemerintah.

Kedua: Rasulullah s.a.w. bersabda, “Agama ini akan terus mulia dan teguh sehingga dua belas orang khalifah atau amir”.

Di sisi Ahl as-Sunnah sememangnya agama Islam begitu gemilang selama pemerintahan dua belas orang khalifah bermula dari zaman khalifah pertama Abu Bakar as-Siddiq r.a. sehingga yang ke dua belas.

Bukankah di zaman-zaman tersebut musuh-musuh Islam begitu gerun dengan kekuatan kerajaan Islam sehingga mereka tidak mampu untuk memerangi umat Islam? Bukankah itu buktinya Islam begitu mulia dan teguh?

Namun begitu musuh-musuh Islam tidak akan berdiam diri bila mana mereka tidak dapat memerangi umat Islam pada ketika itu tapi dendam yang bersarang di hati mereka mendorong mereka untuk merosakkan sejarah gemilang umat Islam tersebut. Lalu tersebarlah cerita-cerita dari mereka-mereka yang jahat dan bermaksud untuk menggelapkan sejarah gemilang umat Islam di zaman awal Islam seperti cerita-cerita yang memburukkan khalifah umat Islam Mu'wiyah r.a. serta anaknya Yazid.

Dengan itu hadith ini memang tepat untuk dua belas khalifah di kalangan Ahl as-Sunnah dan sememangnya hadith ini merupakan salah satu mukjizat Rasulullah s.a.w. selepas kewafatannya.

Dan juga jikalau dilihat kepada hadith ini iaitu “Rasulullah s.a.w. bersabda, “Agama ini akan terus mulia dan teguh sehingga dua belas orang khalifah atau amir” maka ianya langsung tidak tepat untuk imam-imam Syi'ah kerana:

Mengikut Syi'ah, Imamah (iaitu zaman dua belas imam) berlangsung sehingga kini dengan mereka mengatakan zaman ini adalah zaman imam yang kedua belas mereka iaitu Muhammad bin Hasan al-'Askari yang diberi gelaran al-Qaaim serta merupakan imam mahdi mereka (sekarang ini masih lagi ghaib entah akan keluar atau tidak).

Kalau kita melihat kepada hadith tersebut yang berbunyi, “agama ini akan terus mulia dan teguh sehingga dua belas orang khalifah atau amir” bermakna ianya langsung tidak bertepatan dengan pegangan Syi'ah kerana zaman imam ke dua belas mereka (sekarang bahkan sudah lebih seribu tahun) bukanlah merupakan zaman kegemilangan, kemuliaan, keteguhan Islam tapi zaman kini adalah merupakan zaman kelemahan, kehinaan umat islam.

Ketiga: Sabda Rasulullah s.a.w, “Semua mereka dari Quraisy”.

Andaikata ianya bertepatan dengan pegangan Syi'ah nescaya Nabi s.a.w. akan menjelaskan dengan sejelas-jelasnya dan akan berkata, “Tanya dari kalangan Ahl al-Baitku”.



Dan kalau diperhatikan kepada hadith ini ianya memang bertepatan dengan pegangan Ahl as-Sunnah di mana dua belas khalifah tersebut sememangnya dari kalangan Quraisy dan berasal dari berbagai-bagai kabilah Quraisy. Kerana itu Nabi s.a.w. mengatakan, “Semuanya dari Quraisy” yang menunjukkan kepelbagaian keluarga serta kabilah mereka bukannya dari satu keluarga atau satu kabilah.

Kesimpulannya kalau diperhatikan kepada hadith-hadith tersebut langsung tidak terdapat biarpun isyarat apatah lagi secara jelas perlantikan imam-imam Ahl al-Bait sebagai imam maksum serta wajib ditaati secara mutlak sebagaimana mengikut fahaman Syi’ah.

## 5. Pengembang Yang Sebenar Kepada Ajaran Syi’ah.

5.1. Sebelum ini telah disebutkan bahawa ajaran Syi’ah di asaskan oleh Yahudi Ibnu Saba’. Selepas kematian beliau begitu juga selepas zaman Sayyidina Ali r.a. maka ajaran-ajaran yang diatasnamakan Ahl al-Bait terus dikembangbiakkan oleh pendusta-pendusta yang mewarisi peranan Ibnu Saba’. Bukti tentang peranan yang dimainkan mereka ini terdapat di dalam kitab-kitab Syi’ah sendiri. Antaranya:

روى عن أبي جعفر محمد بن علي الباقر –  
عليهما السلام – أنه قال لبعض أصحابه : يا  
فلان ما لقينا من ظلم قريش إيانا وتظاهرهم  
علينا وما لقي شيعتنا ومحبونا من الناس أن  
رسول الله (ص) قبض وقد أخبر أنا أولى الناس  
بالناس ، فمالات علينا قريش حتى أخرجت قريش  
الأمر عن معدنه واحتجت على الأنصار بحقنا  
وحجتنا ثم تداولتها قريش واحد بعد واحد حتى  
رجعت فنكثت بيعتنا ونصبت الحرب لنا ولم يزل  
صاحب الأمر في صعود كؤود حتى قتل ، فبويع  
الحسن ابنه وعوهد ثم غدر به وأسلم ووثب  
عليه أهل العراق حتى طعن بخنجر في جنبه  
وانتهب عسكره وعوجلت خلاخل أمهات أولاده ،  
فوادع معاوية وحقن دمه ودم أهل بيته وهم  
وقليل حق قليل ، ثم بايع الحسين أهل العراق  
عشرون ألفاً غدروا به وخرجوا عليه وبيعته في  
أعناقهم فقتلوه ن ثم لم نزل أهل البيت  
نستذل ونستضام ونقصى ونمتهن ونحرم ، نقتل  
ونخاف ولا نأمن على دمائنا ودماء أوليائنا ،

ووجد الكذابون الجاحدون لكذبهم وجودهم  
موضعاً يتقربون به إلى أوليائهم وقضاة السوء  
في كل بلدة ، فحدثوهم بالأحاديث الموضوعة  
المكذوبة ورووا عنا ما لم نقله وما لم  
نفعله

Diriwayatkan daripada Abu Ja'far Muhammad al-Baqir bahawa dia berkata kepada sebahagian pengikut-pengikutnya: “Wahai si fulan, orang-orang Quraisy tidak menzalimi kami dan memberontak terhadap kami. Apa yang berlaku kepada Syi'ah kami dan orang-orang yang mengasihi kami ialah sesungguhnya Rasulullah s.a.w. wafat dan baginda telah menceritakan bahawa kami adalah sebaik-baik manusia. Maka orang Quraisy telah membuat konspirasi terhadap kami sehingga orang-orang Quraisy telah mengeluarkan urusan pemerintahan ini daripada bekasnya (mengenepikan kami dalam urusan pemerintahan) dan menjadikan hujjah tentang hak kami dan hujjah kami untuk mengalahkan Ansar. Kemudian Quraisy terus menguasai satu demi satu sehingga urusan ini kembali (kepada kami) lalu mereka membatalkan bai'ah kepada kami dan menegakkan peperangan terhadap kami. Teruslah tuan punya urusan (Ali r.a.) berada di dalam kebenaran sehingga dia dibunuh lalu dibai'ah Hasan anaknya dan diadakan perjanjian (taat setia) kemudian dia dikhianati serta dibiarkan dan penduduk Iraq menerkamnya sehingga menikam lambungnya dengan pisau kecil. Tenteranya dirampas serta diperlakukan kezaliman terhadap perempuan-perempuannya. Lalu dia berdamai dengan Mu'awiyah sehingga menumpahkan darahnya serta darah ahli keluarganya dalam keadaan mereka adalah sangat sedikit. Kemudian penduduk Iraq seramai dua puluh ribu orang membai'ah Husain lalu mereka curang terhadapnya dan memberontak terhadapnya dalam keadaan bai'ah masih lagi berada di tengkok-tengkok mereka lalu mereka membunuhnya. Kemudian kami Ahl al-Bait terus dihina, dihalang hak kami, dibunuh dan darah-darah kami serta pendokong-pendokong kami tidak lagi selamat. Dan keluarlah pendusta-pendusta yang keras dalam pendustaan mereka yang berada di tempat untuk menghampirkan diri kepada pemimpin-pemimpin mereka pada setiap negeri lalu mereka menceritakan hadith-hadith yang palsu dan mereka meriwayatkan daripada kami apa yang kami tidak lakukan dan kami tidak katakannya”.<sup>62</sup>

Penutup:

Sebenarnya untuk membicarakan berkenaan sumber ajaran Syi'ah tidak memadai dengan kertas kerja yang serba ringkas ini. Sebagai penutup marilah sama-sama kita merenung sabda Nabi s.a.w. ini dan semoga Allah menyelamatkan kita daripada termasuk dari kalangan mereka.

عَنْ أَبِي سَعِيدٍ الْخُدْرِيِّ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ  
عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَتَتَّيَعُنَّ سَنَنَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ شِبْرًا

<sup>62</sup> A'yaan as-Syi'ah jil 1 hal. 34

بِشِبْرِ وَذِرَاعًا بِذِرَاعٍ حَتَّى لَوْ دَخَلُوا فِي جُحْرِ ضَدِّ  
لَاتَّبَعْتُمُوهُمْ قُلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ آلِيَهُودَ وَالنَّصَارَى  
قَالَ فَمَنْ

Daripada Abu Sa'id al-Khudri r.a. katanya, Rasulullah s.a.w. bersabda: “Pasti kamu akan mengikut sunnah-sunnah orang sebelum kamu sejengkal demi sejengkal dan sehasta demi sehasta sehingga kalaulah mereka masuk ke lubang biawak pun pasti kamu akan mengikutinya”. Kami bertanya, “Wahai Rasulullah, adakah Yahudi dan Nasara?” Nabi s.a.w. menjawab, “Siapa lagi kalau bukan mereka”.<sup>63</sup>

---

<sup>63</sup> Muhammad bin Ismail *Sahih al-Bukhari* Bab Apa Yang Disebutkan Tentang Bani Israil, Muslim bin al-Hajaj *Sahih Muslim* Bab Mengikut Sunnah-Sunnah Yahudi Dan Nasara.